

# BANGKIT LEBIH KUKUH BERSAMA



**BUDGET**  
2021



“ Bersama, kita akan membangunkan ekonomi yang bertenaga dan inovatif, memupuk masyarakat yang inklusif dan penuh ihsan, serta membina bandar yang menghijau dan mampan bagi generasi akan datang. ”

# BANGKIT LEBIH KUKUH BERSAMA



Rakan-rakan setanah air

Kita tidak akan membiarkan pandemik ini menewaskan kita. Kita mesti bangkit lebih kukuh sebagai satu ekonomi, satu masyarakat, satu negara dan satu rakyat.

Belanjawan Bangkit Lebih Kukuh Bersama yang bernilai \$107 bilion adalah cara untuk kita terus memerangi krisis ini pada 2021. Belanjawan ini akan membantu anda semua – para pekerja, perniagaan dan keluarga-keluarga kita – mengharungi masa-masa sukar ini sambil melabur untuk masa hadapan anda.

Kami akan melipatgandakan usaha kami untuk mewujudkan pekerjaan yang baik dan membantu mereka yang memerlukan bantuan tambahan sebelum mendapatkan pekerjaan. Paket Bantuan Keluarga Tambahan akan menyediakan bantuan tambahan kepada keluarga-keluarga kita. Saya harap langkah-langkah ini dan sokongan luar biasa yang telah dilaksanakan pada 2020 akan membantu anda dan keluarga anda.

Belanjawan ini juga merupakan satu pelaburan untuk masa hadapan. Bersama, kita akan membangunkan ekonomi yang bertenaga dan inovatif, memupuk masyarakat yang inklusif dan penuh ihsan, serta membina bandar yang menghijau dan mampan bagi generasi akan datang.

Marilah kita membantu antara satu sama lain dan berusaha lebih gigih demi menjaga kediaman kita dan orang-orang tersayang. Kita akan mengatasi COVID-19 dan bangkit lebih kukuh, bersama.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Heng Swee Keat".

**Heng Swee Keat**

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Penyelaras bagi Dasar Ekonomi dan Menteri Kewangan

# MEMAN KE HA



## Pekerja Berkemahiran Dan Perniagaan Berinovasi

- MEMBANTU PERNIAGAAN-PERNIAGAAN KITA  
muka surat 5 – 9
- MEMBANTU PARA PEKERJA KITA DAN MEREKA YANG MENCARI PEKERJAAN  
muka surat 10 – 14

# DANG ADAPAN

## Memperkuat Kontrak Sosial Kita

- MEMBANTU KELUARGA-KELUARGA KITA  
muka surat 15 - 17
- SALING MEMBANTU ANTARA  
SATU SAMA LAIN  
muka surat 18 - 19

## Menjamin Kediaman yang Mampan untuk Generasi-generasi Akan Datang

- KEMAMPANAN  
muka surat 20 - 22



# MEMBANTU PERNIAGAAN- PERNIAGAAN KITA



## BAGI SYARIKAT-SYARIKAT YANG MENCATATKAN PERTUMBUHAN TINGGI

- Melanjutkan dan mempertingkatkan **Skim Pembiayaan Perusahaan – Program Berkongsi Risiko Hutang**
  - Menaikkan had bagi kuantum pinjaman daripada \$5 juta kepada **\$8 juta**
  - Kami menjangkakan jumlah pinjaman yang berkongsi risiko hutang sekitar **\$45 juta** akan dikeluarkan sepanjang tahun akan datang





## BAGI SYARIKAT-SYARIKAT MATANG: SME DAN SYARIKAT-SYARIKAT BESAR

- **Program Teknologi Baru** akan membiayai bersama kos-kos bagi percubaan dan penggunaan teknologi baru seperti 5G, kecerdasan buatan dan teknologi kepercayaan (trust technologies)
- **Khidmat Ketua Pegawai Teknologi** untuk menyediakan khidmat perundingan IT yang profesional bagi syarikat-syarikat
- **Program Pemimpin Digital** bagi membantu syarikat-syarikat berpotensi untuk menggaji pekerja bagi membentuk sebuah pasukan digital, dan membangunkan serta melaksanakan peta hala tuju transformasi digital
- Bantuan berterusan untuk syarikat-syarikat **berinovasi, menjalankan transformasi dan berkembang maju**
  - Melanjutkan tempoh dari akhir Sep 2021 ke akhir Mac 2022 bagi **had bantuan yang dipertingkatkan hingga 80%** untuk skim-skim perusahaan seperti SG Maju, Geran Meningkatkan Daya Penghasilan, Bantuan Kesediaan Pasaran dan Geran Pembangunan Perusahaan





## BAGI SYARIKAT-SYARIKAT BESAR TEMPATAN

- Melabur bersama sebanyak **\$500 juta** dengan Temasek dalam **Platform Pendanaan bagi Perusahaan Tempatan** bernilai \$1 bilion untuk membantu syarikat-syarikat besar tempatan (LLE) melangkah ke tahap pertumbuhan yang seterusnya

## BAGI MERUBAH RANTAIAN NILAI

- **Skim Pertumbuhan dan Transformasi** bagi sektor Persekutuan Binaan
- Menyatukan para pemaju, perunding, kontraktor dan pembekal sebagai satu ekosistem untuk menjalankan transformasi dan berinovasi, sedang sektor ini kembali pulih



## MEWUJUDKAN WADAH-WADAH BAGI MEMUPUK IDEA KREATIF

- Merintis inisiatif **Pencetus Usaha Inovasi Korporat (CVL)** untuk menyediakan pembiayaan bersama bagi syarikat-syarikat memulakan usaha niaga baru
- Mempertingkatkan **Platform Inovasi Terbuka (OIP)** untuk memadankan syarikat-syarikat dan agensi-agensi awam yang mencari huraian bagi masalah-masalah yang dihadapi dengan para penyedia huraian, dengan pembiayaan bersama disediakan untuk membangunkan prototaip dan melaksanakan huraian
- Mempertingkatkan **Perikatan Inovasi Sejagat (GIA)** untuk memangkinkan kerjasama rentas sempadan antara Singapura dengan hab-hab inovasi besar sejagat
  - Memperluaskannya daripada rangkaian 15 bandar hari ini kepada **lebih 25 bandar** di seluruh dunia sepanjang 5 tahun akan datang
- **Strategi Hak Cipta Intelektual Singapura 2030** akan melengkapkan perniagaan-perniagaan dengan peralatan untuk menilai dan menggunakan secara komersial hak cipta intelektual (IP) dan aset-aset tidak ketara (IA) mereka, serta melatih para karyawan berkemahiran dalam bidang-bidang tersebut

**MEMBANTU  
PARA PEKERJA  
KITA DAN  
MEREKA YANG  
MENCARI  
PEKERJAAN**





MEMBANTU PARA  
PEKERJA KITA DAN MEREKA  
YANG MENCARI PEKERJAAN



## SKIM BANTUAN PEKERJAAN (JSS)

- Melanjutkan bantuan bagi **sektor-sektor Peringkat 1 (Penerbangan, Aeroangkasa dan Pelancongan)**
  - Bantuan 30% bagi gaji yang dibayar antara Apr hingga Jun 2021, dan 10% bagi gaji yang dibayar antara Jul hingga Sep 2021
- Melanjutkan bantuan bagi **sektor-sektor Peringkat 2 (seperti Runcit, Seni dan Budaya, Perkhidmatan Makanan dan Persekutaran Binaan)**
  - Bantuan 10% bagi gaji yang dibayar antara Apr hingga Jun 2021
- Terus menyediakan bantuan bagi **syarikat-syarikat dalam sektor lain** hingga Mac 2021, seperti yang telah diumumkan sebelum ini





## GERAN PEMULIHAN COVID-19

- Membantu para pekerja yang kehilangan pekerjaan atau pendapatan
- Sehingga **\$700** sebulan untuk 3 bulan bagi para pekerja yang kehilangan pekerjaan atau terpaksa mengambil cuti tanpa gaji untuk sekurang-kurangnya 3 bulan berturut-turut
- Sehingga **\$500** sebulan untuk 3 bulan bagi para pekerja dan individu yang bekerja sendiri yang kehilangan pendapatan purata sekurang-kurangnya 50% untuk sekurang-kurangnya 3 bulan berturut-turut



MEMBANTU PARA  
PEKERJA KITA DAN MEREKA  
YANG MENCARI PEKERJAAN



## BAGI PENERBANGAN

- **\$870 juta untuk mengekalkan keupayaan-keupayaan teras dan melanjutkan bantuan kewangan bagi sektor Penerbangan**

## BAGI PENGANGKUTAN DARAT

- **Dana Bantuan Kewangan COVID-19 untuk Pemandu bagi para pemandu teksi dan kereta sewa privet**
  - **\$600** bagi setiap kenderaan setiap bulan dari Jan hingga Mac 2021, dan **\$450** setiap bulan dari Apr hingga Jun 2021

## BAGI SENI & BUDAYA DAN SUKAN

- **\$45 juta bagi Pakej-pakej Daya Tahan Seni & Budaya dan Sukan** untuk membantu perniagaan-perniagaan dan para individu yang bekerja sendiri dalam sektor-sektor tersebut



MEMBANTU PARA  
PEKERJA KITA DAN MEREKA  
YANG MENCARI PEKERJAAN



## PAKEJ PEKERJAAN DAN KEMAHIRAN SGUNITED

- \$5.4 bilion bagi bahagian kedua **Pakej Pekerjaan dan Kemahiran SGUnited**
  - Tambahan kepada **\$3 billion** yang telah diperuntukkan tahun lalu
  - **\$5.2 bilion** daripada jumlah ini adalah untuk melanjutkan tempoh kelayakan bagi **Insentif Pertumbuhan Pekerjaan (JGI)** hingga akhir Sep 2021, untuk menggalak para majikan agar terus mempercepatkan pengambilan pekerja
- Melanjutkan **Program-program Kemahiran SGUnited, Pelatih SGUnited** dan **Laluan Pertengahan Kerjaya**
- Peruntukan telah disediakan bagi fasa seterusnya ini untuk menyokong pengambilan **200,000** pekerja tempatan pada tahun ini menerusi JGI, dan menyediakan hingga **35,000** tempat bagi pelatih dan peluang latihan untuk terus membantu mereka yang sedang mencari kerja meningkatkan kemahiran dan mendapatkan peluang pekerjaan



# MEMBANTU KELUARGA- KELUARGA KITAKITA





## PAKEJ BANTUAN KELUARGA TAMBAHAN

- **Baucar GST – Bayaran Khas Tunai tambahan sebanyak \$200 yang diberikan sekali sahaja** untuk semua rakyat Singapura yang layak
- **Baucar GST – Bayaran Khas U-Save sebanyak \$120 hingga \$200** bagi keluarga-keluarga yang layak yang tinggal di HDB
- **Rebat Bayaran Perkhidmatan dan Penyenggaraan (S&CC)** dilanjutkan untuk setahun lagi bagi semua keluarga yang layak bagi mengimbangi bayaran untuk 1.5 hingga 3.5 bulan
- **Tokokan tambahan sekali sahaja sebanyak \$200 untuk setiap anak-anak rakyat Singapura** melalui Akaun Pembangunan Anak (CDA), Edusave atau Akaun Pendidikan Posmenengah (PSEA) bagi keluarga yang mempunyai anak berusia bawah 21 tahun
- **Baucar Majlis Pembangunan Masyarakat (CDC) sebanyak \$100** bagi setiap keluarga rakyat Singapura untuk digunakan di kedai-kedai di estet perumahan dan pusat-pusat penjaja tertentu





## PARA PEKERJA LEBIH BERUSIA

- Menambah peruntukan sebanyak lebih \$200 juta bagi **Geran Pengamal Awal bagi Pengambilan Pekerja Lanjut Usia** dan **Geran Pengambilan Bekerja Semula secara Sambilan** untuk membantu lebih banyak syarikat supaya menaikkan dengan lebih awal usia persaraan dan usia pengambilan semula bekerja mereka

## KELUARGA-KELUARGA BERPENDAPATAN RENDAH

- Memperluaskan **ComLink** ke seluruh negara untuk membantu 14,000 keluarga yang mempunyai anak sepanjang 2 tahun akan datang bagi menyediakan bantuan menyeluruh kepada keluarga-keluarga berpendapatan rendah yang tinggal di rumah-rumah sewa

## KANAK-KANAK BERKEPERLUAN KHAS

- Merintis **Program Bantuan Inklusif** bagi membolehkan lebih ramai kanak-kanak dengan keperluan perkembangan supaya dapat lebih banyak bergaul dengan kanak-kanak lain



SALING MEMBANTU  
ANTARA SATU  
SAMA LAIN



## MENYUMBANG DERMA

- Melanjutkan potongan cukai sebanyak 250% bagi derma yang diberikan kepada Institusi-institusi Bertaraf Awam (IPC) untuk lagi dua tahun, hingga akhir 2023
- Melanjutkan bantuan tambahan pemerintah bagi **Program Mengumpul Dana yang Dipertingkat Lembaga Tote** selama setahun dengan pemadanan sedolar bagi setiap dolar yang diberikan untuk sumbangan derma yang layak
- Melanjutkan tempoh pemadanan geran **Dana Masyarakat ‘SHARE as One’** sehingga Tahun Kewangan 2023
- **Geran ‘Change for Charity’** bernilai \$20 juta untuk perniagaan-perniagaan melakukan lebih banyak usaha bagi menggalakkan sumbangan derma secara spontan setiap hari

## KESUKARELAWANAN

- Melanjutkan **Skim Rakan Kongsi Perniagaan dan IPC** untuk dua tahun, hingga akhir 2023, bagi menyokong kesukarelawanan daripada syarikat-syarikat
- **Dana Penjagaan dan Inovasi CDC bernilai \$50 juta** bagi menyokong inisiatif-inisiatif inovatif yang bermula daripada masyarakat untuk menangani keperluan masyarakat





# Kemampunan



## MEMANFAATKAN TEKNOLOGI

- **Dana Transformasi Kelompok Agro-Makanan bernilai \$60 juta** untuk terus menyokong penggunaan teknologi dalam sektor agro-makanan
- Memperuntukkan **\$30 juta** sepanjang lima tahun akan datang bagi **inisiatif-inisiatif berkaitan Kenderaan Elektrik (EV)**, seperti meningkatkan kemudahan mengecas kenderaan elektrik di kawasan-kawasan privet
- Mengurangkan perbezaan harga antara kereta elektrik dan kereta enjin pembakaran dalaman (ICE)
  - **Mengurangkan Yuran Pendaftaran Tambahan** hingga sifar bagi kereta-kereta elektrik dari Jan 2022 hingga Dis 2023
  - **Menyesuaikan kadar cukai jalan raya** supaya kereta-kereta elektrik di pasaran akan dikenakan cukai jalan raya yang serupa dengan kereta-kereta ICE





## PEMBIAYAAN BAGI INISIATIF-INISIATIF HIJAU

- Biaya untuk inisiatif-inisiatif hijau merupakan pemangkin penting bagi usaha-usaha kemampanan
- Pemerintah akan mengeluarkan **bon-bon hijau** bagi projek-projek prasarana awam yang tertentu
- Memangkinkan aliran modal ke arah pembangunan mampan di Singapura dan Asia
- Sebagai permulaan, projek-projek hijau sektor awam bernilai hingga **\$19 bilion** telah dikenal pasti untuk pemberian



Berdasarkan maklumat yang tersedia hingga 16 Februari 2021